

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 28.10.2015

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah garis panduan yang diberikan untuk memastikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjalankan pemeriksaan terhadap buku-buku teks yang diterbitkan oleh pencetak buku swasta supaya mengurangkan kesilapan dan kesalahan tatabahasa dalam buku teks.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Buku Teks (BBT) menyediakan Panduan Penulisan dan Spesifikasi Teknikal Buku Teks kepada penerbit-penerbit termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Manakala kawalan kandungan dan tatabahasa adalah dilakukan oleh jawatankuasa kawalan mutu penerbit berkenaan. Dalam hal ini, **untuk merujuk hal yang berkaitan dengan bahasa**, pihak yang berkepentingan boleh merujuk laman sesawang prpm.dbp.gov.my (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka) dan Khidmat Nasihat DBP.